

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 SEPTEMBER 2016

'Anwar dipecat bukan hanya kerana kes liwat'

BH - 21/9/2016

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1998 bukan sahaja disebabkan kesalahan meliwat, sebaliknya kerana rancangan beliau menjatuhkan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Panel pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Datuk Lokman Noor Adam dalam keterangannya, berkata beliau mendapat tahu mengenai perkara itu dalam satu pertemuan dengan beberapa individu antara Jun hingga September 1998 di Hotel Pelican Batu Pahat, Johor selepas Perhimpunan Agung UMNO.

Menjawab soalan peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, Lokman berkata, yang turut serta

dalam pertemuan itu ialah Datuk Mohamad Ezam Mohd Nor yang ketika itu Ketua Pemuda UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan.

Tak setuju polisi, ekonomi Dr Mahathir

"Ezam beritahu dia mewakili Anwar dan memaklumkan Anwar tidak lagi sehaluan dengan Dr Mahathir. Jadi, dia (Ezam) mahu kami menjadi sebahagian daripada jentera Anwar yang akan bertanding bagi pemilihan Presiden UMNO.

"Katanya antara alasan mengapa Anwar tidak bersetuju dengan Dr Mahathir ialah berhubung polisi dan ekonomi," katanya.

Lokman berkata, beliau kemudian mengesahkan perkara itu dengan Pegawai Khas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ah-



Ezam beritahu dia mewakili Anwar dan memaklumkan Anwar tidak lagi sehaluan dengan Dr Mahathir"

Lokman Noor Adam
Panel pemikir Jabatan Hal
Ehwal Khas (JASA)

mad Zahid Hamidi (ketika itu Ketua Pemuda UMNO), untuk mendapat jawapan sama ada ia rancangan Mohamad Ezam atau Anwar sendiri.

Katanya, pegawai khas itu mengesahkan rancangan terbabit dalam satu pertemuan di sebuah restoran dan memberitahu beliau bersama seorang lagi senator turut dipanggil Anwar ke pejabatnya berhubung perkara sama.

"Pegawai khas itu beritahu, Anwar memaklumkan beliau tidak boleh lagi bekerjasama dengan Dr Mahathir dan akan mencabarnya dalam pemilihan Presiden UMNO," katanya dalam perbicaraan kes saman fitnah Anwar terhadap Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang difailkan pada 7 Mac 2008.

Anwar selaku plaintiff mendak-

wa Khairy yang ketika itu Timbalan Ketua Pemuda UMNO, mengeluarkan perkataan fitnah dan menyebabkan klip video bertajuk 'Anwar and kin no threat' disiarkan di laman web, termasuk dalam portal *Malaysiakini.com*.

Anwar juga mendakwa klip video dalam *Malaysiakini.com* mengandungi kata-kata diucapkan Khairy pada satu ceramah di Lembah Pantai pada 20 Februari 2008.

Sementara itu, Khairy yang kini Menteri Belia dan Sukan dalam pernyataan pembelaannya difailkan pada 8 Oktober 2010 mendakwa, perkataan diucapkannya adalah berdasarkan kepada pembelaan justifikasi dan perlindungan bersyarat.

Perbicaraan di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Azizul Azmi Adnan bersambung Khamis ini.